

PRAKTIS

Isi tempat kosong dengan kata ganti nama yang sesuai. SP 5.1.1(iii)


Kalian

kamu


Mereka

saya

1. "Fiza, _____ tertinggal buku ini di pusat sumber semalam," kata Su Yin.



2. Ibu menghadihkan basikal baharu kepada _____ kerana cemerlang dalam ujian.



3. "_____ tidak seharusnya bergaduh sesama adik-beradik," pesan ayah.



4. _____ sekeluarga membuat persiapan untuk menyambut hari lahir Lisa.



Lengkapkan dialog dengan kata ganti nama yang sesuai.

Erin: Bilakah foto ini diambil,
Yaya?



Yaya: Foto ini diambil ketika
(1) _____ (saya, kami)
dan keluarga bercuti
di Sabah pada tahun lepas.

Erin: Wah, tentu seronok (2) _____ (kita, kamu) dapat
bercuti di sana.

Yaya: Ya, Erin. Banyak tempat menarik yang (3) _____
(mereka, kami) lawati. Tambahan lagi, penduduk
di sana sungguh ramah. (4) _____ (Mereka, Kita)
melayan para pengunjung dengan mesra sekali.

Erin: Ayah saya juga telah berjanji akan membawa kami
pergi bercuti semasa cuti sekolah nanti.

(5) _____ (Beliau, Dia) akan membawa kami ke
Pulau Tioman.

Yaya: Kita beruntung kerana menjadi rakyat Malaysia,
Erin. Banyak tempat menarik yang dapat
(6) _____ (kami, kita) lawati.

Erin: Betul kata kamu, Yaya.

Aktiviti 6

Lengkapkan dialog. Kemudian, lakonkan.

Selamat Pulang, Datuk dan Nenek

▶ Saya

▶ Kami

▶ Beliau

▶ kamu

▶ kita

▶ Mereka

Dahlia dan ahli keluarganya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Mereka mahu menyambut kepulangan datuk dan nenek dari luar negara.

Danial: Nenek, kami di sini (Dahlia dan Danial melambai-lambaikan tangan).

Dahlia: Selamat pulang datuk dan nenek (mencium tangan nenek).

Danial: Seronoknya datuk dan nenek dah pulang! _____ rindu akan datuk dan nenek.

Nenek: Ya, datuk dan nenek pun sama. _____ juga rindu akan kamu semua.

Datuk: Eh, di manakah ayah _____, Dahlia?

Dahlia: Oh, ayah ke tandas, datuk! _____ berjanji akan balik ke sini secepat yang mungkin.

Datuk: Kalau begitu, _____ tunggu ayah kamu di sini.

Dahlia: Baiklah, datuk.

Tidak lama kemudian, ayah Dahlia pun sampai. _____ sekeluarga pun membawa datuk dan nenek pulang ke rumah untuk berehat.



Minta murid mengisi tempat kosong dengan kata ganti nama diri yang betul. Kemudian, lakonkan dialog dengan menggunakan kata ganti nama diri yang sesuai.

5.1.1 (iii)
BT1: 12